

UTM buka kampus cawangan di Dubai

B.H 9.1.2008 M.C 23

Kualiti pendidikan setanding universiti antarabangsa

Oleh Norliza Abdullah

UNIVERSITI Teknologi Malaysia (UTM) diberi penghormatan agensi penyedia program pendidikan di Dubai untuk membuka kampus cawangannya di negara berkenaan bagi membolehkan pegawai dagang asing mengikuti pendidikan lanjutan dalam pelbagai bidang profesional.

Penghormatan membuka kampus satelit itu bersandarkan kualiti pendidikan ditawarkan UTM setanding universiti antarabangsa menerusi modul program berdaya saing serta mempunyai nilai kebolehpasaran tinggi.

Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasinya, Prof Datuk Dr Ir Zaini Ujang, berkata ia memberi peluang UTM terus melakar kecemerlangan pada persada antarabangsa sebagai penyedia program pendidikan bertaraf global.

“Cadangan mengenainya sudah dikemukakan kepada Lembaga Penga-

rah UTM dan dijangka diluluskan tidak lama lagi.

Pemilihan Dubai berdasarkan iklim pelaburannya lebih fleksibel dan mempunyai nilai pasaran berdaya saing serta mesra pelabur.

“Kami berharap kampus satelit UTM di Dubai akan memulakan operasinya bulan depan,” katanya ketika ditemui pada majlis Pelancaran Por-

tal Pelbagai Bahasa Sekolah Pendidikan Profesional dan Pendidikan Berterusan UTM (SpaceUTM) di Putrajaya, kelmarin.

Sambil menjelaskan persiapan mengengainya berjalan lancar, Zaini berkata, pihaknya mensasarkan program profesional dalam bidang pengurusan kewangan dan perbankan serta sains kejuruteraan ditawarkan di kampus itu.

Beliau berkata, pihaknya kini sedang menyediakan modul yang perlu dikemaskinikan dari semasa ke semasa bagi memenuhi keperluan industri global.

Penyedia program pendidikan profesional, katanya, mempunyai prospek besar di pasaran Dubai kerana hab perdagangan bagi rantau Asia Barat itu mempunyai ramai pegawai dagang asing, iaitu tiga juta berbanding 250,000 orang penduduk tempatan.

“UTM yang diiktiraf sebagai penyedia program pendidikan berkualiti pastinya mendapat tempat di ka-

langan golongan berkerjaya dalam meningkatkan pengetahuan dalam pelbagai bidang, sekali gus membantu mereka menambah kecekapan pengurusan sesebuah organisasi,” katanya.

Mengenai perkembangan terkini SpaceUTM, Zaini berkata, setakat ini seramai 5,000 golongan profesional mengikuti pelbagai program secara sambilan, termasuk 350 pelajar China, Yaman, Somalia dan Turki yang menyertai pengajian bahasa Inggeris.

SpaceUTM yang beroperasi sejak 15 tahun lalu menyediakan pengajian secara sambilan menerusi 35 program yang ditawarkan di 15 pusat pembelajaran.

Sejak empat tahun lalu, program pembangunan profesionalnya menyediakan 300 kursus.

Kini ia dilengkapi portal pelbagai bahasa, sekali gus membolehkannya dipasarkan ke beberapa destinasi baru, terutama sekitar negara Asia Barat.

FAKTA NOMBOR

Pelajar SpaceUTM

5,000

Jumlah keseluruhan

350

Dari luar negara